



POLISI PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN OLEH PELAJAR SECARA DALAM TALIAN (E-PAT) DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Senarai Rekod Kelulusan

Tarikh kuatkuasa	Kelulusan	Keterangan
28 Julai 2021	- Kelulusan Mesyuarat Senat Ke-176 Bil. 3/2021 pada 15 Februari 2021 & Ke-183 Bil. 10/2021 pada 28 Julai 2021. - Perakuan Mesyuarat Majlis Perancangan Dan Pembangunan Akademik (MPPA) Kali Ke-108 Bil. 2/2021 pada 19 Januari 2021.	Pemurnian kepada Polisi Penilaian pengajaran dan Pembelajaran oleh pelajar secara dalam talian (e-PAT) Edisi 2013.
9 Januari 2024	- Kelulusan Mesyuarat Majlis Perancangan Dan Pembangunan Akademik (MPPA) Kali Ke-147 Bil. 1/2024 pada 9 Januari 2024. - Pemakluman Mesyuarat Senat Ke-219 Bil. 1/2024 pada 15 Februari 2024.	Pindaan skala pemarkahan bagi Polisi Penilaian pengajaran dan Pembelajaran oleh pelajar secara dalam talian (e-PAT) Edisi 2021.
20 Ogos 2025	- Kelulusan Mesyuarat Senat Ke-236 Bil. 7/2025 pada 20 Ogos 2025. - Perakuan Mesyuarat Majlis Perancangan dan Pembangunan Akademik (MPPA) ke-164 Bil. 5/2025 pada 11 Julai 2025.	Pemurnian kepada Polisi Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran oleh Pelajar Secara Dalam Talian (e-PAT) Edisi 2025.



POLISI

**PENILAIAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN OLEH PELAJAR
SECARA DALAM TALIAN (E-PAT)**

DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

EDISI KE EMPAT (2025)

PUSAT INOVASI DAN DAYA SAING AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

KANDUNGAN

- 1.0 TUJUAN
- 2.0 PENGENALAN
- 3.0 OBJEKTIF PENILAIAN PENGAJARAN
- 4.0 PROGRAM PENGAJIAN YANG TERLIBAT
- 5.0 KURSUS PENGAJIAN YANG TERLIBAT
- 6.0 SEMESTER PENGAJIAN YANG TERLIBAT
- 7.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENILAIAN PENGAJARAN
- 8.0 POLISI PENILAIAN PENGAJARAN
- 9.0 KATEGORI MARKAH PENILAIAN PENGAJARAN
- 10.0 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PENILAIAN PENGAJARAN
- 11.0 SOALAN PENILAIAN PENGAJARAN
- 12.0 PROSEDUR DAN CARTA ALIR PENILAIAN PENGAJARAN
- 13.0 PENUTUP

**POLISI PENILAIAN PENGAJARAN OLEH PELAJAR
SECARA DALAM TALIAN (E-PAT)
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

1.0 TUJUAN

Polisi ini disediakan adalah sebagai rujukan kepada Staf Akademik di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dalam membuat penilaian pengajaran secara dalam talian melalui Sistem Elektronik-Penilaian Dalam Talian (E-PAT). Dokumen ini juga merupakan rujukan kepada entiti akademik yang terlibat secara langsung dalam proses penilaian pengajaran iaitu Fakulti/Pusat dan Institut Pengajian Siswazah di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Polisi Edisi ke-4 ini dibangunkan berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat Senat Ke-236 Bil. 7/2025 pada 20 Ogos 2025 dan perakuan Mesyuarat Majlis Perancangan dan Pembangunan Akademik (MPPA) ke-164 Bil. 5/2025 pada 11 Julai 2025.

2.0 PENGENALAN

Penilaian pengajaran oleh pelajar merupakan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Pusat Inovasi Dan Daya Saing Akademik (PIDA) untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Staf Akademik di UMPSA.

Ia adalah sebagai salah satu cara pihak pengurusan universiti mendapatkan maklumbalas daripada pelanggan universiti, iaitu pelajar-pelajar berkenaan kualiti pengajaran Staf Akademik. Proses ini amat penting dalam kitaran penambahbaikan *Continuous Quality Improvement* (CQI) bagi program-program akademik universiti dan juga sebagai usaha untuk memperbaiki kualiti pengajaran Staf Akademik dan fasiliti pengajaran dan pembelajaran di UMPSA.

Inisiatif ini telah dimulakan sejak Semester II Sesi 2005/ 2006 oleh Pusat Pembangunan Staf Akademik atau lebih dikenali sebagai ASDC. Pada awal pelaksanaan, proses penilaian pengajaran adalah dibuat secara manual iaitu melalui edaran borang yang telah dibangunkan kepada Staf Akademik sebelum diedarkan kepada pelajar masing-masing. Borang yang telah lengkap di isi oleh pelajar perlu dikembalikan kepada pihak ASDC bagi tujuan analisis.

Kaedah pelaksanaan penilaian pengajaran oleh pelajar telah melalui beberapa siri peralihan iaitu bermula dengan borang OMR dan yang terkini adalah secara dalam talian sepenuhnya iaitu melalui Sistem Elektronik-Penilaian Dalam Talian (E-PAT).

3.0 OBJEKTIF PENILAIAN PENGAJARAN

Penilaian pengajaran perlulah disesuaikan dengan CQI akademik yang digariskan oleh UMPSA. Maklumbalas pelajar dalam penilaian pengajaran adalah penting untuk aspek-aspek seperti berikut:

- 3.1 Sebagai salah satu petunjuk prestasi Staf Akademik (perlu mendapat markah >80%)
- 3.2 Sebagai platform untuk mengumpulkan data bagi tujuan CQI untuk Staf Akademik dalam memperbaiki kualiti dan kandungan kursus yang ditawarkan
- 3.3 Sebagai salah satu sumber informasi bagi mengenalpasti penyediaan latihan yang bersesuaian dengan Staf Akademik untuk membantu peningkatan kemahiran pengajaran
- 3.4 Mendapatkan maklumbalas dari pelajar berkaitan keadaan fasiliti pengajaran dan pembelajaran
- 3.5 Memberi impak nilai/ profesionalisma kepada Staf Akademik

4.0 PROGRAM PENGAJIAN YANG TERLIBAT

Program-program pengajian yang terlibat dalam penilaian pengajaran adalah seperti berikut:

- a) Program Diploma (Semua jenis Mod Pengajian)
- b) Program Ijazah Sarjana Muda (Semua jenis Mod Pengajian)
- c) Program Dual Ijazah
- d) Program Ijazah Sarjana (Kerja Kursus & Mod Campuran)

5.0 KURSUS PENGAJIAN YANG TERLIBAT

Semua kursus yang ditawarkan pada semester penilaian perlu dinilai oleh pelajar melalui E-PAT **KECUALI** kursus Latihan Industri (dinilai menggunakan kaedah lain yang dirasakan bersesuaian).

6.0 SEMESTER PENGAJIAN YANG TERLIBAT

Proses penilaian pengajaran dilaksanakan pada setiap semester iaitu:

- a) Semester Lazim (Semester I dan Semester II)
- b) Semester Pendek (Semester III dan Semester Permulaan Diploma)

SEMESTER	PROSES PELAKSANAAN
Semester Lazim (Semester I & Semester II)	Penilaian pada semester lazim dibuka kepada DUA (2) siri: a) Siri 1 - Dibuka pada Minggu ke- 7 pengkuliahan selama satu (1) minggu b) Siri 2 - Dibuka pada Minggu ke-12 sehingga ke hari terakhir peperiksaan bagi semester tersebut <u>Tujuan penilaian</u> Siri 1: • Mendapatkan maklumbalas pelajar bagi enam minggu pertama pengkuliahan • Staf Akademik hanya boleh melihat komen yang diberikan oleh pelajar sahaja. Tiada paparan markah penilaian pengajaran Siri 2: • Mendapatkan maklumbalas pelajar bagi lapan minggu pengkuliahan seterusnya • Keputusan penilaian pengajaran bagi Siri 2 adalah merupakan KEPUTUSAN PENILAIAN RASMI E-PAT bagi semester tersebut • Markah penilaian, indeks serta komen pelajar akan dipaparkan. • Paparan komen Siri 1 masih boleh dilihat dalam keputusan penilaian rasmi E-PAT

	Siri 3: Melengkapkan penilaian yang tidak dilaksanakan di dalam Siri 2.
Semester Pendek (Semester III dan Semester Permulaan Diploma)	- Hanya terdapat SATU (1) siri penilaian sahaja - Siri penilaian yang dibuat iaitu bermula Minggu ke – 6 hingga Minggu ke – 7 pengkuliahahan - Keputusan penilaian pengajaran bagi Siri 1 adalah merupakan KEPUTUSAN PENILAIAN RASMI E-PAT bagi semester tersebut

7.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENILAIAN PENGAJARAN

- 7.1 Proses penilaian pengajaran melalui Sistem Elektronik- Penilaian Dalam Talian (E-PAT) telah dilaksanakan sepenuhnya bermula pada Semester 1 2011/2012 (bagi Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) dan Semester 1 2012/2013 (bagi Program Sarjana secara Kerja Kursus).
- 7.2 Sistem ini boleh dicapai di *e- community* pelajar > *Instructional Evaluation* (E- PAT) iaitu pada menu sebelah kiri.
- 7.3 Sistem E-PAT ini dikawalselia oleh seorang Pegawai Teknologi Maklumat daripada Jabatan Pengurusan Pengetahuan dan Teknologi Maklumat, UMPSA.

8.0 POLISI PENILAIAN PENGAJARAN

- 8.1 Pelajar diwajibkan untuk membuat penilaian bagi semua kursus yang terdapat di dalam sistem E – PAT dalam tempoh penilaian yang telah ditetapkan.
- 8.2 Pelajar yang tidak membuat penilaian pengajaran **akan ditahan daripada menerima keputusan peperiksaan sehinggalah pelajar menyelesaikan penilaian.**

9.0 KATEGORI MARKAH PENILAIAN PENGAJARAN

- 9.1 Berikut adalah kategori markah penilaian pengajaran:

KATEGORI	MARKAH PENILAIAN	INDEKS PENILAIAN
Sangat Cemerlang	95-100	4.50 – 5.00
Cemerlang	90-94.99	4.00 – 4.49

Baik	85-89.99	3.50 – 3.99
Memuaskan	80-84.99	3.00 – 3.49
Sederhana	75-79.99	2.00 – 2.99
Lemah	74.99 dan ke bawah	1.99 dan ke bawah

- 9.2 Staf Akademik yang mendapat markah penilaian 90% dan ke atas akan mendapat sijil '*Certificate of Excellence*' bagi setiap kursus.
- 9.3 Sijil ini boleh dicetak sendiri oleh Staf Akademik daripada sistem E- PAT di *e-community* masing- masing. Bagi tujuan rasmi, Staf Akademik perlu mendapatkan tandatangan daripada Dekan Fakulti masing- masing.
- 9.4 Staf Akademik yang mendapat markah penilaian kurang daripada 80% akan dipaparkan dalam skrin IMS Dekan.

10.0 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PENILAIAN PENGAJARAN

- 10.1 Keputusan penilaian pengajaran akan dihebahkan secara terus kepada Staf Akademik dan Dekan Fakulti selepas diproses oleh pihak Pusat Teknologi Digital.
- 10.2 Tempoh pemakluman keputusan penilaian pengajaran adalah seperti berikut:

SEMESTER	PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PENILAIAN PENGAJARAN
Semester Lazim	
a) Maklumbalas penilaian Siri 1	Hari Rabu pada Minggu ke – 9 semester
b) Keputusan penilaian Siri 2/3	Dua minggu selepas tarikh keputusan peperiksaan diumumkan
Semester Pendek	Dua minggu selepas tarikh keputusan peperiksaan diumumkan

- 10.3 Staf Akademik boleh menyemak keputusan penilaian mereka melalui semakan di *e-community* > *Staff Management* > *Academic Management* > *Online Evaluation (E-PAT)*.
- 10.4 Keputusan penilaian ini juga boleh disemak oleh Dekan Fakulti untuk tindakan susulan melalui *e-community* atau *IMS Academic*.

- 10.5 PIDA akan menyediakan kertas kerja laporan analisa keseluruhan fakulti dan Staf Akademik bermasalah untuk kelulusan Mesyuarat Majlis Perancangan dan Pembangunan Akademik (MPPA).

11.0 SOALAN PENILAIAN PENGAJARAN

- 11.1 Pembangunan soalan-soalan bagi penilaian pengajaran ke atas Staf Akademik adalah berdasarkan kepada beberapa Dasar/Polisi/Polisi Pengajaran dan Pembelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan juga Kerangka Teori “*Technological Pedagogical Content Knowledge Framework* (TPACK)” yang digunakan secara meluas dalam sektor pendidikan. Dasar-dasar, polisi, Polisi dan kerangka yang digunakan dalam pembangunan soalan penilaian pengajaran ini adalah selari dengan hasrat dan halatuju pengajaran dan pembelajaran terkini yang digariskan oleh KPT.
- 11.2 Secara kesimpulannya, soalan penilaian pengajaran dikategorikan kepada dua Siri :

SIRI 1: MINGGU KE-7 <i>FIRST SERIES: WEEK 7</i>	
Soalan E-PAT	Hasil penilaian E-PAT
Terdapat lapan soalan berkaitan aspek penyampaian pengajaran, penyampaian kurikulum dan amalan penyampaian pengajaran.	Pensyarah menggunakan dapatan untuk penambahbaikan pengajaran. Fakulti akan mengenalpasti tindakan bersesuaian yang perlu diambil sekiranya terdapat pensyarah yang tidak melaksanakan pengajaran dengan kaedah yang sepatutnya

SIRI 2: MINGGU KE-12 <i>SECOND SERIES: WEEK 12</i>	
Kategori dan Soalan E-PAT	Hasil Penilaian E-PAT
1)Penilaian Pensyarah (<i>Lecturer's Evaluation</i>) – tujuh soalan berkaitan aspek penyampaian pengajaran, penyampaian kurikulum, penilaian kursus, kompetensi Bahasa Inggeris dan amalan penyampaian pengajaran.	Penilaian markah keseluruhan EPAT pensyarah akan diambil dari kategori 1

2)Penilaian Infrastruktur (<i>Infrastructure Assessment</i>) – Lima soalan	Digunakan untuk penambahbaikan oleh PTJ berkaitan (DiTec, PSPe, JPPH dan Perpustakaan)
3)Penilaian Kursus (<i>Course Evaluation</i>)- Lima soalan	Digunakan oleh pensyarah/ koordinator kursus/ ketua program untuk penambahbaikan kursus

SIRI 3: SELEPAS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN DIUMUMKAN THIRD SERIES: FOLLOWING THE ANNOUNCEMENT OF THE EXAMINATION RESULTS	
Kategori dan Soalan E-PAT	Hasil Penilaian E-PAT
1)Penilaian Pensyarah (<i>Lecturer's Evaluation</i>) – tujuh soalan berkaitan aspek penyampaian pengajaran, penyampaian kurikulum, penilaian kursus, kompetensi Bahasa Inggeris dan amalan penyampaian pengajaran.	Penilaian markah keseluruhan EPAT pensyarah akan diambil dari kategori 1
2)Penilaian Infrastruktur (<i>Infrastructure Assessment</i>) – Lima soalan	Digunakan untuk penambahbaikan oleh PTJ berkaitan (DiTec, PSPe, JPPH dan Perpustakaan)
3)Penilaian Kursus (<i>Course Evaluation</i>)- Lima soalan	Digunakan oleh pensyarah/ koordinator kursus/ ketua program untuk penambahbaikan kursus

11.3 Soalan-soalan penilaian pengajaran adalah seperti yang tertera di **Lampiran A**.

12.0 PROSEDUR DAN CARTA ALIR PENILAIAN PENGAJARAN

Prosedur dan carta alir bagi penilaian pengajaran adalah menggunakan prosedur sedia ada (Sistem Pengurusan Kualiti Akademik - UMP-AQMS-PK-035 : Penilaian Pengajaran Oleh Pelajar Secara Dalam Talian (E-PAT) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2015 (akan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa).

13.0 PENUTUP

Polisi ini diharapkan dapat membantu Staf Akademik, Fakulti dan Pusat Tanggungjawab berkaitan untuk memastikan kelancaran dalam proses penilaian dan pengajaran oleh para pelajar di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

LAMPIRAN A**SOALAN PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

EPAT Siri 1 (Minggu 7/ Week 7): Pensyarah menggunakan dapatan untuk penambahbaikan pengajaran.

Kesemua soalan-soalan penilaian di bawah dinilai oleh pelajar dengan menggunakan Skala Likert dengan pilihan 5 skor seperti di bawah:

- 1- Sangat Tidak Setuju/ *Strongly Disagree*
- 2- Tidak Setuju/ *Disagree*
- 3- Neutral/ *Neutral*
- 4- Setuju/ *Agree*
- 5- Sangat Bersetuju/ *Strongly Agree*

Soalan-soalan:

1. Pensyarah memulakan sesi pembelajaran tepat pada waktunya dan tidak melebihi waktu yang sepatutnya.
The lecturer begins the learning sessions according to time and within the allocated class time.
2. Pensyarah menyampaikan kandungan kursus mengikut hasil pembelajaran.
The lecturer delivers the course content according to the course outcome.
3. Pensyarah menggalakkan saya berinteraksi semasa sesi pembelajaran.
The lecturer encourages me to interact during the learning session.
4. Pensyarah menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan saya.
The lecturer uses teaching methods' that are suitable with me.
5. Pensyarah menggunakan teknologi yang bersesuaian dengan saya.
The lecturer uses the technology that are suitable with me.
6. Pensyarah dapat menjelaskan konsep dengan mudah.
The lecturer is able to explain the concept easily.
7. Pensyarah menyediakan pelbagai aktiviti untuk membolehkan saya mencapai objektif pembelajaran kursus.
The lecturer provides various activities to enable me to achieve the course learning outcomes.
8. Pensyarah mencabar minda saya untuk berfikir secara kritikal.
The lecturer challenges me to think critically.

Soalan Terbuka/ Open-Ended Question:

9. Nyatakan maklumbalas (selain di atas) mengenai pensyarah dan juga kursus. Contoh maklumbalas adalah seperti berikut:
- Sesuatu yang anda suka/tidak suka – “Saya sangat menyukai kaedah pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah”/ “Saya tidak menyukai pensyarah yang terlalu garang”.
 - Elemen untuk penambahbaikan dan pengalaman pembelajaran secara keseluruhan – “Saya mencadangkan agar pensyarah tidak menggunakan waktu lain selain dari jadual asal untuk membuat kelas”/ “Beban tugas kelas ini terlalu berat dan sepatutnya dikurangkan”/ “Pensyarah tidak mengadakan kelas seperti yang dijadualkan”.

Please indicate any other feedback about the academic staff and the course. Example of feedback are as follows:

- Something you liked/ disliked – “I really like the way how the lecturer teaches”/ “I don’t like a lecturer that is too strict”.*
- Elements to improve and overall learning experiences – “I would like to suggest that the lecturer stick to the original timetable and does not conduct class during other times”/ “The workload for this course is too much and should be reduced”/ “The lecturer did not conduct class as scheduled”.*

EPAT Siri 2/3 (Minggu 12/ Week 12):

Kesemua soalan-soalan penilaian di bawah dinilai oleh pelajar dengan menggunakan Skala Likert dengan pilihan 5 skor seperti di bawah:

- 1- Sangat Tidak Setuju/ *Strongly Disagree*
- 2- Tidak Setuju/ *Disagree*
- 3- Neutral/ *Neutral*
- 4- Setuju/ *Agree*
- 5- Sangat Bersetuju/ *Strongly Agree*

Kategori 1: Penilaian Pensyarah/ Category 1: Lecturer’s Evaluation (Penilaian markah keseluruhan EPAT pensyarah)

1. Pensyarah selalu memberi teguran dan nasihat kepada saya.
The lecturer always gives me admonition and advice

2. Pensyarah mengambil berat tentang saya.
The lecturer cares about me.
3. Pensyarah berjaya membuatkan saya faham kandungan kursus ini.
The lecturer managed to make me understand the course content.
4. Pensyarah menyampaikan kandungan kursus mengikut hasil pembelajaran.
The lecturer delivers the course content according to the learning outcome.
5. Pensyarah menunjukkan sikap menepati masa, beretika dan adil dalam memberi markah.
The lecturer shows punctuality, ethical and fair in giving marks.
6. Pensyarah memberi maklumbalas penilaian dalam masa yang sesuai kepada saya.
The lecturer provides feedback on assessments within the suitable time to me.
7. Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris mudah serta berkesan dalam sesi pengajaran.
The lecturer uses simple and effective English Language during the learning sessions.

Kategori 2: Penilaian Infrastruktur/ Category 2: Infrastructure Assessment (Untuk penambahbaikan PTJ berkaitan)

1. Kemudahan fizikal di kelas dan sekitaran menyokong pembelajaran saya.
The physical facilities in class and the surrounding support my learning.
2. Kemudahan ICT yang disediakan memadai untuk menyokong pembelajaran saya.
The ICT facilities provided are sufficient to support my learning.
3. Kemudahan dan sekitaran di perpustakaan menyokong pembelajaran saya.
The facilities and surroundings at the library support my learning.
4. Bahan rujukan di perpustakaan (buku dalam bentuk salinan keras dan E-buku) adalah relevan dan mencukupi.
Reference materials at the library (books in the form of hardcopy and E-books) are relevant and enough.
5. Bahan dan aktiviti pembelajaran di dalam KALAM dapat saya capai secara dalam talian dengan mudah.
Learning materials and activities in KALAM can be assessed easily online.

Kategori 3: Penilaian Kursus/ Category 3: Course Evaluation (Untuk penambahbaikan kursus)

1. Kandungan kursus ini adalah relevan dan boleh digunapakai untuk keperluan semasa dan masa hadapan.
The content of this course is relevant and can be use for current and future needs.
2. Susunan kursus adalah baik.
The organization of the course is good.
3. Penilaian kursus bersesuaian dengan kandungan kursus.
The course assessment is suitable with the course content.
4. Kandungan kursus ini menepati hasil pembelajaran kursus.
The course content complies with the course learning outcomes.
5. Beban kursus ini terlalu berat untuk saya.
The course load is too heavy for me.

Soalan Terbuka/ Open-Ended Question:

6. Nyatakan maklumbalas (selain di atas) mengenai pensyarah dan juga kursus.
 - a) Sesuatu yang anda suka/tidak suka – “Saya sangat menyukai kaedah pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah”/ “Saya tidak menyukai pensyarah yang terlalu garang”.
 - b) Elemen untuk penambahbaikan dan pengalaman pembelajaran secara keseluruhan – “Saya mencadangkan agar pensyarah tidak menggunakan waktu lain selain dari jadual asal untuk membuat kelas”/ “Beban tugas kelas ini terlalu berat dan sepatutnya dikurangkan”/ “Pensyarah tidak mengadakan kelas seperti yang dijadualkan”.

*Please indicate any other feedback about the academic staff and the course.
Example of feedback are as follows:*

- a) *Something you liked/ disliked – “I really like the way how the lecturer teaches”/ “I don’t like a lecturer that is too strict”.*
- b) *Elements to improve and overall learning experiences – “I would like to suggest that the lecturer stick to the original timetable and does not conduct class during other times”/ “The workload for this course is too much and should be reduced”/ “The lecturer did not conduct class as scheduled”.*

CARTA ALIR
PROSEDUR PENILAIAN PENGAJARAN OLEH PELAJAR SECARA DALAM TALIAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)

